

11/12/2017

Pelajar Undang-undang Pelajari Ilmu Baharu T... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

Pelajar Undang-undang Pelajari Ilmu Baharu Tentang Tort Of Misfeasance In Public Office

Unit Komunikasi Korporat

Thu 11/9/2017 12:02 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



9 NOVEMBER 2017 / 20 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

PELAJAR UNDANG-UNDANG PELAJARI ILMU BAHARU TENTANG TORT OF MISFEASANCE IN PUBLIC OFFICE



UUM ONLINE: Berbekalkan pengalaman dan pengetahuan dalam bidang undang-undang, Dato' Wira Hafarizam Harun yang merupakan Rakan Pengurusan Messrs Hafarizam Wan & Aisha Mubarak telah berkongsi pandangan beliau tentang *tort of misfeasance* menerusi syarahan bertajuk 'Tort of Misfeasance In Public Office - True Purport' di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, semalam.

Dalam syarahan itu, pelajar diterangkan tentang maksud perbuatan salah laku (eng: *tort misfeasance*) khususnya dalam jawatan awam dan bagaimana ia berlaku serta perbezaan antara jawatan awam (public office), kakitangan awam (public servants), pegawai awam (public officers) dan perkhidmatan awam (public services).

Dato' Wira Hafarizam berkata, *tort of misfeasance* atau di sesetengah negara ia dikenali sebagai 'malfeasance in office' iaitu salah laku yang melibatkan penyalahgunaan kuasa oleh pegawai awam dan tujuan tort adalah untuk memberi pampasan bagi mereka yang mengalami kerugian akibat penyalahgunaan kuasa tersebut.

Katanya, terdapat dua jenis salah laku di pejabat awam iaitu 'targeted malice' berlaku apabila pegawai awam dengan sengaja menyalahgunakan kedudukan mereka dengan motif menimbulkan kerosakan kepada pihak menuntut dan 'untargeted malice' atau 'illegality' yang mana ia dilakukan oleh pegawai awam yang bertindak secara umum serta mengetahui bahawa mereka tidak diberi kuasa secara sah untuk mengambil tindakan.

Beliau yang juga Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM turut menerangkan tentang sejarah berlakunya *tort of misfeasance* yang dikesan sejak abad ke-17 di England.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.